

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
TARIKH : 31.07.2017
SOALAN : NO. 89

Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah kes-kes pelajar perubatan di luar negara yang tertipu dengan agen-agen yang membantu mengendalikan kemasukan pelajar. Apakah langkah Kerajaan dalam membantu pelajar-pelajar ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tidak menerima sebarang laporan rasmi daripada mana-mana pelajar atau ibu bapa berhubung kes penipuan agen dalam urusan pengendalian kemasukan pelajar perubatan di luar negara. Pejabat-pejabat Education Malaysia (EM) di luar negara sentiasa akan membantu pelajar-pelajar Malaysia yang memerlukan bantuan dari semasa ke semasa. Pada masa kini sejumlah 79,375 orang pelajar di 5 buah negara utama dipantau sepenuhnya oleh pejabat-pejabat EM.

KPT juga menasihati ibu bapa yang berhasrat menghantar anak-anak belajar di luar negara supaya sentiasa berhubung dengan KPT bagi mengelakkan sebarang masalah penipuan yang dibuat oleh agen-agen yang tidak bertanggungjawab ini.